



Ruj. Kami : KPM.600-5/1/4 Jld. 8 (6)
Tarikh : 11 Januari 2019

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PENGURUSAN FAIL PANITIA MATA PELAJARAN

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1986 : Panitia Mata Pelajaran KP(BS) 8591/Jilid 11/ (44) bertarikh 13 Mac 1986 adalah berkaitan.

2. Dalam usaha meningkatkan kecekapan sistem penyampaian khususnya di bilik darjah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi penekanan kepada keupayaan guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pelbagai usaha dijalankan bagi membolehkan guru memberi lebih fokus kepada tugas utama mereka iaitu mendidik. Hal ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan PdP dapat ditingkatkan.
3. Berdasarkan **perkara 3.4.14** dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1986, panitia berperanan menyelenggarakan fail-fail panitia dan semua minit mesyuarat, atau laporan mesyuarat, surat menyurat, laporan dan rekod-rekod yang berkaitan. Semua dokumen ini boleh disediakan bentuk salinan lembut (soft copy) dan salinan cetak (hard copy). Dalam hal ini pihak sekolah hendaklah menyediakan dokumentasi berkaitan agar pengurusan panitia dapat dikendalikan secara cekap dan berkesan.
4. Bagi tujuan tersebut, pihak sekolah bertanggungjawab menentukan bilangan fail panitia berdasarkan keperluan dan kesesuaian sekolah masing-masing. Pihak jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD) **tidak dibenarkan** membuat penetapan bilangan fail panitia mata pelajaran di sekolah.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada semua pegawai di JPN, PPD, Pengetua/ Guru Besar di bawah kawalan pihak YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



SHAARI BIN OSMAN

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Pengarah Sektor Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
 8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
 9. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Ketua Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan Malaysia